



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI
AIR (PETRA)

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
ENERGY EFFICIENCY CHALLENGE 2024

28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)
HOTEL LE MERIDIEN, PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamualaikum WBT dan Salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita berhimpun pada hari ini dalam

Majlis Penyampaian Hadiah 'Cabaran Kecekapan Tenaga 2024' atau lebih dikenali sebagai 'Energy Efficiency Challenge 2024'.

2. Terima kasih diucapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Majlis Amanah Rakyat, Pengetua-Pengetua, guru-guru dan para ibu bapa yang sudi meluangkan masa untuk menghadiri majlis ini. Saya amat gembira melihat kehadiran dan penglibatan anak-anak muda kita, yang membuktikan kepekaan dan keprihatinan mereka mengenai kepentingan kecekapan tenaga ke arah melestarikan alam sekitar.

Para hadirin dan pelajar-pelajar sekalian,

3. Kecekapan tenaga adalah antara pemangkin utama dalam usaha Kerajaan ke arah peralihan tenaga. Malaysia mempunyai komitmen untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih pada tahun 2050, selaras dengan agenda global menangani perubahan iklim. Berdasarkan senario penggunaan tenaga di Malaysia, sektor industri merupakan pengguna tenaga terbesar di Malaysia, diikuti oleh sektor komersial dan kediaman. Namun begitu, usaha meningkatkan kecekapan tenaga tidak hanya bergantung kepada dasar dan teknologi semata-mata, tetapi juga memerlukan penglibatan menyeluruh daripada semua lapisan masyarakat.
4. Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA) yang telah diluluskan pada 25 Jun 2024 merupakan bukti komitmen kerajaan dalam memperkukuhkan kawal selia penggunaan tenaga

secara cekap dan mampan. Walau bagaimanapun, kejayaan inisiatif ini amat bergantung kepada perubahan sikap dan kesedaran masyarakat, termasuk generasi muda seperti anda semua. Generasi muda merupakan pemangkin bagi melaksanakan aspirasi negara ke arah peralihan tenaga. Pembudayaan amalan kecekapan tenaga ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan pelepasan karbon serta kesan perubahan iklim atau *climate change* terhadap negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. 'Jadilah Bijak Tenaga' atau '*Be Energy Smart*' adalah motto yang sering digunakan oleh Suruhanjaya Tenaga dalam mempromosikan dan memupuk budaya menggunakan tenaga elektrik dengan cekap dan berhemah. Pembudayaan amalan kecekapan tenaga ini bukan sahaja dapat memberi penjimatan tenaga dan wang ringgit, malah ia juga dapat membantu untuk mengawal dan mengurangkan kesan rumah hijau kepada alam sekitar. Ini seterusnya berupaya membantu mengekalkan kelestarian sumber-sumber tenaga yang semakin berkurangan untuk generasi masa hadapan.
6. Generasi muda adalah ejen perubahan yang paling berkesan. Oleh itu, amat penting untuk kesedaran mengenai kecekapan tenaga diterapkan sejak di bangku sekolah. Pertandingan *Energy Efficiency Challenge* ini adalah salah satu platform terbaik untuk mendidik para pelajar tentang amalan kecekapan tenaga. Ia bukan sahaja menggalakkan kreativiti, tetapi juga membina rasa tanggungjawab

terhadap penggunaan tenaga secara cekap dan memupuk sikap cakna akan alam sekitar.

7. Saya percaya, jika nilai-nilai yang dipelajari melalui pertandingan ini dipraktikkan secara konsisten, generasi muda kita akan menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang lebih prihatin terhadap tenaga dan kelestarian.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Berdasarkan analisis laporan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Tenaga, sekolah yang menyertai kategori Sekolah Paling EE pada tahun ini telah mencatat penjimatan penggunaan elektrik sebanyak **53,014 kWj, iaitu bersamaan dengan nilai RM28,400 berdasarkan tarif kategori B.** Ini merupakan suatu pencapaian yang amat membanggakan dan tahniah diucapkan.
9. Saya amat berbangga untuk mengumumkan bahawa penjimatan tenaga terkumpul sepanjang 11 tahun penganjuran pertandingan ini adalah sebanyak **1,568,025 kWj**. Penjimatan ini adalah bersamaan dengan nilai **RM840,446** dengan penghindaran karbon sebanyak **1,207 tonne CO₂**. Hasil penjimatan terkumpul ini juga dapat **menggalakkan pertumbuhan sebanyak 18,113 batang anak pokok selama tempoh 10 tahun.**

10. Ia sesuatu yang amat luar biasa! Ini membuktikan bahawa, program seperti ini yang dilaksanakan secara berterusan akan berupaya memberikan impak yang besar kepada negara.
11. Dengan pelbagai promosi kecekapan tenaga yang dilaksanakan oleh sekolah-sekolah, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua peserta atas usaha dan komitmen anda. Anda semua telah membuktikan bahawa generasi muda Malaysia bukan sahaja berbakat tetapi juga memiliki kesedaran tinggi terhadap keperluan untuk mengawal penggunaan tenaga dan menjaga alam sekitar. Ada pepatah Melayu yang mengatakan melentur buluh, biarlah dari rebungunya.
12. Tahniah diucapkan kepada Suruhanjaya Tenaga di atas kejayaan dalam menganjurkan pertandingan ini dan saya berharap dengan pengenalan kepada konsep kecekapan tenaga di awal usia ini mampu menjadikan ia sebagai satu budaya apabila mereka membesar kelak.
13. Selain itu, program-program *edutainment* sebegini juga merupakan salah satu inisiatif literasi tenaga yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan, bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang celik tenaga. Untuk makluman semua, pelbagai program telah pun dilaksanakan di bawah *Malaysia Energy Literacy Program (MELP)* yang diterajui oleh Kementerian ini, dengan kerjasama Jabatan/Agensi yang berkaitan seperti Suruhanjaya Tenaga, SEDA, MyPOWER, Yayasan Hijau Malaysia, Malaysian Green Technology and Climate

Change Corporation (MGTC), Tenaga Nasional Berhad, NUR Power dan Malakoff.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Penglibatan generasi muda dalam pertandingan ini merupakan titik permulaan kecekapan tenaga di dalam diri seseorang individu melalui pelaksanaan amalan kecekapan tenaga. Sepanjang 11 tahun pertandingan ini berlangsung, saya berharap semua nilai-nilai murni yang dipelajari sepanjang pertandingan ini dapat dipraktikkan oleh para pelajar, bukan sahaja sekarang akan tetapi di masa-masa akan datang juga. Anda semua adalah 'Duta Kecekapan Tenaga'.
15. Akhir kata, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri, Majlis Amanah Rakyat, pelajar-pelajar sekolah serta guru-guru sekalian di atas penyertaan dan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke majlis pada hari ini.
16. Dengan Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Energy Efficiency Challenge 2024

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.